

NO SOALAN :491

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI
WAN ISMAIL
(PERMATANG PAUH)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berikutan pengakuan oleh Perdana Menteri pada 23 Januari 2018 yang mengakui 1MDB bermasalah dan lemah tadbir urusnya, minta Perdana Menteri butirkan masalah-masalah yang dihadapi 1MDB itu dan nyatakan sama ada kelemahan tadbir urus itu turut melibatkan peringkat Lembaga Penasihat dan Lembaga Pengarah serta tindakan yang diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kegagalan yang dimaksudkan oleh YAB Menteri Kewangan adalah

sepertimana yang telah diperincikan di dalam laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mengenai Kawalan Pengurusan Tadbir Urus 1Malaysia Development Bhd (Laporan PAC) seperti kelemahan tadbir urus, kelemahan model perniagaan dan ketidaksesuaian model pembiayaan syarikat yang mengutamakan penggunaan hutang. Di samping itu, 1MDB juga menghadapi isu ketidakseimbangan aliran tunai apabila penyenaraian saham (*initial public offering* atau IPO, dengan izin) syarikat Edra Bhd tidak dapat dilaksanakan.

YAB Menteri Kewangan mengakui akan kelemahan urus tadbir atau kegagalan di dalam 1MDB bukan sahaja semasa ucapan beliau di Invest Malaysia 2018 baru-baru ini tetapi juga di Invest Malaysia 2017 pada 25 Julai 2017. Semasa berucap di Invest Malaysia 2017, YAB Menteri Kewangan berkata beliau telah mengarahkan siasatan secara besar-besaran dijalankan terhadap 1MDB dan turut meminta supaya rasionalisasi dilakukan terhadap syarikat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2015, Kementerian Kewangan selaku pemegang 100% kepentingan saham 1MDB melalui Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) telah mengambil langkah untuk menjalankan kajian strategik

atau *strategic review* (dengan izin) dan seterusnya melaksanakan pelan rasionalisasi terhadap 1MDB.

Di samping itu, Kementerian Kewangan juga telah bersetuju untuk melaksanakan sepenuhnya cadangan yang telah dibuat oleh PAC. Ini termasuklah pelantikan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) 1MDB yang baharu bagi menggantikan ALP terdahulu yang telah meletakan jawatan. Penukaran lembaga pengarah ini mencerminkan hala tuju dan komitmen 1MDB dalam menjayakan pelan rasionalisasi untuk melunaskan komitmen kewangan syarikat.

MKD juga telah melaksanakan cadangan yang telah diusulkan oleh PAC bagi meminda Artikel Persatuan 1MDB yang berkuat kuasa pada 31 Mei 2016. Ini termasuk, antara lain, pembubaran Lembaga Penasihat 1MDB, pemansuhan Artikel 117 dan menukar segala rujukan daripada "Perdana Menteri" kepada "Menteri Kewangan". Oleh itu, YAB Perdana Menteri bukan lagi Penasihat kepada 1MDB.

Tuan Yang di-Pertua,

Lembaga Penasihat 1MDB sebelum ini tiada fungsi pentadbiran dan hanya bertindak sebagai penasihat. Semua keputusan dan urusan niaga

1MDB dibuat oleh pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah 1MDB.